

## ANALISIS BIBLIOMETRIK TERHADAP KAJIAN BERKAITAN MASYARAKAT MADANI DALAM PENKALAN DATA MYCITE (Bibliometric Analysis Of Civil Society In The Mycite Database)

Norashikin Ahmad<sup>1</sup>, Mohd Shukri Hanapi<sup>1</sup>

Submitted: 05-May-2024  
Accepted: 13-Jun-2024  
Revised: 28-Jun-2024  
Published: 30-Jun-2024

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia (USM),  
11800, Pulau Pinang, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [hshukri@usm.my](mailto:hshukri@usm.my)

### Abstrak

Masyarakat madani adalah masyarakat yang maju dari aspek pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Ketiga-tiga aspek tersebut membentuk gaya hidup masyarakat dengan menyemai nilai-nilai murni dalam kehidupan dari sudut fizikal dan spiritual. Pada 19 Januari 2023, Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memperkenalkan Dasar Malaysia Madani (DMM). Dasar ini bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang membangun, sejahtera, berdaya saing dan dan harmoni dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, makalah ini dilakukan untuk meneliti artikel berkaitan madani dalam pengkalan data MyCite. Persoalannya, apakah perkembangan penerbitan dan bentuk taburan kajian berkaitan madani? Apakah tema utama yang dibincangkan dalam kajian berkaitan madani? Apakah ciri-ciri kolaborasi kajian madani dalam kalangan pengkaji dan latar belakang affiliasi? Berdasarkan persoalan tersebut, makalah ini dihasilkan bagi mencapai tiga tujuan utama. Pertama, mengenal pasti perkembangan kajian madani dan bentuk taburannya; kedua, meneliti tema utama pengkajian berkaitan madani; dan ketiga, mengkaji ciri-ciri kolaborasi antara pengkaji berkenaan madani. Bagi memastikan semua tujuan ini tercapai, makalah ini menggunakan kaedah bibliometrik terhadap artikel-artikel yang ditemui. Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, terdapat 11 dokumen yang membincangkan berkenaan madani dalam pengkalan data MyCite. Hal ini menunjukkan bahawa wujudnya jurang kajian yang sangat ketara berkenaan madani.

**Kata kunci:** masyarakat madani, bibliometrik, pengkalan data MyCite

### Abstract

*Madani society is advanced regarding thought, spirituality, and material aspects. These three aspects shape society's lifestyle by instilling pure values from physical and spiritual perspectives. On January 19, 2023, the Prime Minister of Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, introduced the Madani Malaysia Policy (Dasar Malaysia Madani). This policy aims to make Malaysia a developed, prosperous, competitive, and harmonious nation among its people. Therefore, this paper is conducted to examine articles related to madani society in the MyCite database. The questions are: what is the development of publications and the distribution of studies related to madani society? What are the main themes discussed in studies related to madani society? What are the characteristics of collaboration among researchers and their affiliations in madani society studies? Based on these questions, this paper is produced to achieve three main objectives. First, to identify the development of madani society studies and their distribution; second, to examine the main themes of madani society-related research; and third, to investigate the characteristics of collaboration among researchers regarding madani society. This paper employs bibliometric methods on the articles to ensure all these objectives are met. Based on the study, 11 documents discussing madani society are in the MyCite database, indicating a significant research gap concerning madani society.*

*Keywords:* madani society, bibliometrics, MyCite database

## 1.0 PENDAHULUAN

Mutakhir ini, perkataan madani seringkali disebut dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini berikutan pengisytiharan gagasan negara yang baharu oleh YB Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023. Beliau telah memperkenalkan Gagasan Malaysia Madani (GMM) sebagai asas dalam kepimpinannya yang baru. Dasar ini bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang membangun, sejahtera, berdaya saing dan dan harmoni dalam kalangan rakyat Malaysia.

Selain itu, GMM juga diwujudkan untuk memperbaharui semula strategi tatakelola dan pentadbiran negara secara lebih efektif. Dasar ini memfokuskan pemerkasaan ekonomi dan budaya yang berasaskan nilai, etika atau akhlak (Abdullah, Hussin, Tunku Ahmad, Rose, Basir, Azmin & Ramil, 2023). Oleh itu, GMM akan diterapkan dalam pelbagai sektor supaya dapat menghasilkan masyarakat madani dalam pelbagai aspek. Masyarakat madani adalah masyarakat yang maju dari aspek pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Ketiga-tiga aspek tersebut membentuk gaya hidup masyarakat dengan menyemai nilai-nilai murni dalam kehidupan dari sudut fizikal dan spiritual (Ibrahim, 2023).

Dalam pada itu, Ibrahim (2023) menyatakan agenda untuk memperkasakan kerangka dasar madani bukan hanya tertumpu kepada penyelesaian masalah dan memenuhi keperluan negara sahaja. Malah, agenda dasar madani dilancarkan untuk membantu kepimpinan negara mencorak masa hadapan negara dan memenuhi potensinya. Dalam perkataan lain, GMM yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim ini bertujuan memperkasakan lagi kepimpinan yang sedia ada supaya dapat memacu pentadbiran dengan lebih holistik dan bersepadu.

Justeru, bagi memahami perkembangan kajian semasa berkenaan madani, artikel ini meneliti dokumen yang telah ditemui dalam pengkalan data MyCite. Persoalannya, bagaimanakah kajian berkaitan madani berevolusi dan apakah bentuk taburannya? Apakah topik utama yang dibincangkan dalam kajian berkaitan madani? Apakah latar belakang dan pencapaian pengkaji serta ciri-ciri kolaborasi kajian madani dalam kalangan pengkaji?

Berdasarkan persoalan-persoalan kajian tersebut, artikel ini mempunyai tiga tujuan utama. Pertama, mengenal pasti perkembangan kajian madani dan bentuk taburannya; kedua, meneliti tema utama pengkajian berkaitan madani; dan ketiga, mengkaji ciri kolaborasi antara pengkaji berkenaan madani.

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

Pembentukan masyarakat madani merupakan satu usaha untuk menjadikan masyarakat yang berdaya saing dan maju dalam setiap perkara. Menurut Mansor (2019), masyarakat madani adalah masyarakat yang berpegang kepada konsep keadilan dan peradaban. Dalam al-Quran, terdapat tiga istilah yang merujuk kepada konsep masyarakat madani. Pertama, *khaira ummah* (masyarakat terbaik); kedua, *ummatan wasata* (masyarakat seimbang); dan ketiga, *ummah muqtasidah* (masyarakat moderat). Dalam pada itu, Mansor (2020) pula menyatakan bahawa untuk memahami konsep masyarakat madani memerlukan kekuatan dari akar umbi. Kekuatan tersebut bermula dalam diri individu, keluarga dan kumpulan yang membentuk masyarakat keseluruhannya.

Dalam pada itu, petunjuk nabawi juga perlu diaplikasikan dalam kehidupan supaya dapat membentuk masyarakat madani. Menurut Osman, Long dan Aziz (2016), matlamat yang ingin dicapai dalam masyarakat merangkumi tiga perkara iaitu tempat tinggal, pembangunan dan perbandaran. Ketiga-tiga perkara ini boleh dilihat dalam dua aspek. Pertama dari sudut fizikal kerana sesebuah masyarakat

madani perlulah hidup dalam keadaan selesa dan aman damai. Kedua dari sudut spiritual pula, sesebuah masyarakat madani itu perlulah hidup dengan mengamalkan ketinggian akhlak.

Lanjutan daripada itu, sudah pastinya terdapat pelbagai aspek yang perlu diteliti secara serius dalam merealisasikan masyarakat madani yang unggul. Misalnya, transformasi pendidikan negara sebagai pemangkin untuk perubahan dalam masyarakat. Menurut Ishak, Arshad, Fakhruddin, Ismail, Ismail, Ahmad, Ramlan, Abdullah, Mat Saad dan Syed Sahuri (2021), Guru Pendidikan Islam mempunyai peranan penting sebagai ejen pemangkin perubahan dalam aspek pendidikan. Hal ini boleh dilakukan dengan menggunakan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Seterusnya mengaplikasikan secara tidak formal kepada masyarakat. Di samping itu, pemangkin perubahan ini selari dengan aspirasi dalam Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu membangunkan masyarakat madani yang mendukung nilai keagamaan ke arah membina negara bangsa. Begitu juga dengan Sariyan (2002) yang berpandangan bahawa pendidikan berperanan dalam merangka pembentukan masyarakat madani.

Selain itu, wanita juga mempunyai peranan penting dalam memastikan agenda pembentukan masyarakat madani tercapai. Bahari dan Abdullah (2019) menyatakan terdapat lima peranan wanita Islam. Pertama, menyumbang kepada perpaduan dalam kalangan masyarakat; kedua, merapatkan jurang ketidakadilan sosial dan ekonomi; ketiga, menyelesaikan masalah kemiskinan; keempat, bekerjasama dan saling membantu dalam masyarakat majmuk; dan kelima, menghormati nilai kepelbagaian dan bertoleransi.

## 2.1 METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini memfokuskan berkenaan trend semasa dan perkembangan terkini kajian berkenaan madani dengan menggunakan kajian bibliometrik berdasarkan data yang dikumpul dalam pengkalan data MyCite. Kajian bibliometrik ialah kaedah yang menggunakan teknik statistik secara khusus untuk menganalisis dokumen yang telah diterbitkan dalam sesuatu pengkalan data (Zhang, Chen, Wang & Ordonez, 2016). Menurut Ahmi dan Mohamad (2019), kajian bibliometrik semakin popular dalam kalangan penyelidik. Hal ini disebabkan oleh kajian bibliometrik merupakan satu kajian yang mengemukakan trend penyelidikan dalam pelbagai bidang. Dalam kajian bibliometrik, terdapat beberapa petunjuk digunakan berdasarkan kategori tertentu untuk menganalisis dokumen yang telah dikumpulkan. Misalnya, kategori penerbitan, sitasi, penulis, penerbit dan negara.

Selain itu, terdapat juga petunjuk lain dalam kaedah bibliometrik iaitu kuantiti, kualiti dan struktur (Durieux & Gevenois, 2010). Menurut Ahmi dan Mohd Nasir (2019) petunjuk kuantiti merujuk kepada produktiviti pengkaji. Petunjuk kualiti pula merujuk kepada pengukuran prestasi penyelidik yang dilihat daripada bilangan sitasi, jumlah H-indeks atau G-indeks, manakala petunjuk struktur merujuk kepada pengukur hubungan terhadap *output* penyelidikan. Oleh yang demikian, kesemua petunjuk yang telah dikemukakan boleh membantu penyelidik untuk menganalisis data yang diperoleh daripada perisian *Artificial Intelligence* (AI) supaya penyelidik dapat menganalisis dengan tepat.

Seterusnya, kaedah carian artikel dengan menggunakan kata kunci yang betul dan tepat adalah sangat penting. Hal ini bertujuan memastikan setiap data yang dikumpul berkaitan penyelidikan yang dikaji dapat ditemui. Dalam kajian ini, kata kunci yang digunakan secara khusus adalah dalam beberapa versi. Pertama, madani. Kedua, masyarakat madani. Ketiga, madani society. Oleh itu, artikel ini

menggunakan teknik *advance searching* atau *manual searching* dalam pengkalan data MyCite dengan memasukkan semua kata kunci yang dilihat berkaitan madani untuk pencarian dokumen. Teknik ini menggunakan beberapa fungsi asas seperti *phrase searching*, *boolean operator*, *field code*, *truncation* dan *wild card* bagi membentuk *string* pencarian yang sesuai. Hasil daripada carian menggunakan pengkalan data MyCite didapati, terdapat 11 dokumen yang berkaitan dengan madani (iaitu setakat 13 Januari 2024).


Oleh itu, semua 11 dokumen ini dianalisis dalam pelbagai petunjuk untuk mendapatkan *input* berkaitan objektif kajian dalam menghasilkan makalah ini. Dalam makalah ini, aplikasi analisis AI yang digunakan adalah pengkalan data MyCite, *Word Cloud* dan Excel. Penggunaan aplikasi AI bertujuan membangunkan imej yang berkaitan dan membantu dalam menginterpretasikan data dalam artikel ini.

### 3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini mengemukakan dapatan hasil daripada analisis bibliometrik yang terdiri daripada tiga perkara. Pertama, evolusi dan taburan kajian berkaitan madani; kedua, topik utama pengkajian madani dalam pengkalan data MyCite; dan ketiga, trend pengkaji kajian berkaitan madani serta kolaborasi antara pengkaji. Ketiga-tiga perkara tersebut dibincangkan dalam subtopik 4.1 hingga 4.3.

#### 3.1 Evolusi dan Taburan Kajian berkaitan Madani

Dalam subtopik ini, perbincangan terbahagi kepada dua perkara. Pertama, trend perkembangan penerbitan mengikut tahun dari sudut kualiti dan kuantiti. Perkara ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1:** Trend Perkembangan Penerbitan Mengikut Tahun

Rajah 1 menunjukkan trend penerbitan artikel mengikut tahun. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat 11 dokumen berkenaan madani dalam pengkalan data MyCite. Hasil analisis mendapati bahawa trend peningkatan dan penurunan kajian madani bermula pada tahun 2002 hingga 2021. Peningkatan kajian berlaku antara tahun 2002 hingga 2016 iaitu daripada 1 dokumen kepada 2 dokumen. Namun, bilangan kajian tersebut menurun kepada 1 dokumen. Trend

penurunan dan peningkatan penerbitan artikel ini masih berkekalan sehingga tahun 2021.

Perkara kedua pula, perbincangan lebih tertumpu kepada trend perkembangan artikel berdasarkan penerbitan jurnal. Hal ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



**Rajah 2:** Trend Perkembangan Artikel berdasarkan Jurnal

Berdasarkan Rajah 2 di atas, trend perkembangan artikel yang dipamerkan adalah berdasarkan 8 jenis jurnal yang telah ditemui dalam pengkalan data MyCite. Pertama, Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU); kedua, *Asian Social Work Journal*; ketiga, Sains Insani; keempat, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*; kelima, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari (JIMK); keenam, Jurnal Bahasa; ketujuh, *Journal Business and Social Development*; dan kelapan, *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Jika dilihat dari tahun 2002 hingga 2021, trend penerbitan menunjukkan pertambahan artikel bagi jurnal *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, Sains Insani dan *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Namun begitu, penerbitan artikel berkaitan madani dilihat sangat rendah. Hal ini mempamerkan bahawa produktiviti dalam penghasilan artikel berkaitan madani sangat berkurangan dalam pengkalan data MyCite.

#### 4.2 Topik Utama Pengkajian Madani dalam Pengkalan Data MyCite

Dalam subtopik 4.2 ini pula, perbincangan lebih memfokuskan berkenaan topik utama kajian berkenaan madani. Berdasarkan data yang telah dikumpul melalui pengkalan data MyCite, terdapat 11 dokumen tentang madani dinyatakan dalam

Jadual 1.


**Jadual 1:** Senarai Penerbitan Berkenaan Madani

Bil	Pengkaji	Tahun	Tajuk Artikel	Jurnal	Kata Kunci
1	Othman, A.	2003	<i>Fikiran dan interpretan dalam bahtera madani</i>	Jurnal Bahasa	Madani
2	Sariyan, A.	2002	<i>Bahasa dan pendidikan bahasa dalam konteks pembinaan tamadun dan masyarakat madani</i>	Jurnal Bahasa	Bahasa, pendidikan, tamadun, masyarakat madani
3	Bahari, C, A. & Abdullah, F.	2019	<i>The role of Muslim women in civil society in promoting values and principles for building peace: Action guide from the Qur'an</i>	Sains Insani	Wanita Islam, masyarakat madani, kedamaian, harmonis dan majmuk
4	Mansor, N, R.	2020	<i>Mengupayakan pemikiran aras tinggi: Menyejahterakan masyarakat madani</i>	<i>Journal of Business and Social Development</i>	Masyarakat Madani, Pemikiran aras tinggi, model kerangka asas berfikir
5	Ishak, M., Arshad, M.M. Fakhruddin, F, M., Ismail, I, A., Ismail, H., Ahmad, S., Ramlan, S, R., Abdullah, H., Mat Saad, N, S., & Syed Sahuri, S, N.	2021	<i>Tinjauan tahap prestasi peranan guru Pendidikan Islam sebagai pemangkin Perubahan ke arah pembetulan masyarakat madani melalui kaedah Pendidikan Islam tidak formal</i>	Sains Insani	Guru pendidikan Islam, nilai profesionalisme guru, pemangkin perubahan, pendidikan tidak formal, teori peranan
6	Ab Rashid, R., Abdullah, N. @ Boey, N, S. & Mohamed Abdelgelil, M, F.	2021	<i>Meneladani muamalat nabi dan para sahabat terhadap non amuslim serta pengalaman MACMA di Terengganu</i>	Jurnal Islam dan Masyarakat Kontempori	Muamalat Nabi, Ukhuwah, Perpaduan, Masyarakat Madani, Majmuk.
7	Osman, M, F., Long, N, H., & Aziz, A, B.	2016	<i>Toleransi nabawi dalam pembinaan budaya masyarakat Madani yang bertamadun</i>	<i>Journal of Global and Social Entrepreneurship</i>	Tamadun, Budaya, Masyarakat Madani, Asas Pembinaan Masyarakat

8	Ismail, D., Wan Khairuddin, W, M, K, F., & Muhammad, M.	2014	<i>Barnamij J-QAF fi Khidmah al-Qur'an Atharihi wa Masyakilih (Perkembangan dan masalah pembelajaran al- Quran dalam Program J-QAF di Malaysia)</i>	Jurnal Islam dan Masyarak at Kontempo rari	J-Qaf, khidmat al- Quran, implikasi dan isu, masyarakat madani
9	Mohd, R, A., Mohd Ghazali, N., Sempo, M, W., Mohamad, N., Khossim, N., Toure, A, K., Obeid, A, R., Jaafar, N., Muhammad, N, A, F., & Ahmad, H.	2017	<i>The Extraction Pattern of "Al-Samii'" based on the Contextual Meaning on Makkiy and Madaniy in the Quran</i>	Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)	Pattern, Asmaul Husna, "Al-Samii'", makki and madani, exegesis, al- Quran
10	Baharudin, A, M. & Jamil, M, T.	2016	<i>Ilmu Makki dan Madani dan kepentingannya bagi pendakwah</i>	<i>Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemp orary Issues</i>	Metode, Makki, Madani, Pendakwah, Dakwah
11	Tuwu, D.	2019	<i>The contribution of hope family program and madani brotherhood program in increasing public health in Kendari city</i>	<i>Asian Social Work Journal</i>	Health, family program, brotherhood program, community health


Jadual 1 menunjukkan senarai artikel berkenaan madani berdasarkan pencarian dalam pengkalan data MyCite. Berdasarkan Jadual 1 dapat dirumuskan bahawa topik utama kajian yang dibincangkan berkenaan madani mempunyai 3 tema utama berdasarkan kata kunci bagi setiap artikel. Pertama, pembangunan masyarakat madani; kedua, madani dan ilmu ulum al-Quran; dan ketiga, madani dan dakwah. Oleh yang demikian, penemuan ketiga-tiga tema tersebut mempamerkan bahawa kajian berkenaan madani sangat terhad dan masih lagi tidak dikaji secara meluas. Namun begitu, kajian berkenaan madani boleh diperkembangkan lagi dalam pelbagai bidang supaya dapat membentuk masyarakat madani dalam pelbagai aspek kehidupan. Antara aspek yang terpenting adalah kajian berkaitan tasawur masyarakat madani kerana ia merupakan perkara utama dan paling asas. Hal ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3.





**Rajah 4:** Trend Pengkaji Mengikut Penerbitan

Rajah 4 menunjukkan trend pengkaji mengikut penerbitan. Dari sudut kuantiti, penerbitan yang lebih aktif menerbitkan berkenaan madani ialah Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menghasilkan 2 dokumen. Kemudian diikuti pula oleh Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Sebahatin Zaim University dan Hali Oleo University sebanyak 1 dokumen. Berdasarkan data yang dikumpul melalui pengkalan data MyCite, jumlah penerbitan mengikut pengkaji yang aktif dalam menghasilkan artikel mengikut negara dinyatakan dalam Rajah 5.



**Rajah 5:** Kolaborasi Antara Pengkaji Mengikut Afiliasi dan Negara

Rajah 5 mempamerkan kolaborasi antara pengkaji mengikut negara berdasarkan pengkalan data MyCite. Negara paling tinggi kolaborasi antara pengkaji didahului oleh negara Malaysia yang menghasilkan 9 dokumen, manakala negara yang paling rendah kolaborasi antara pengkaji ialah negara Turki dan Indonesia sebanyak 1 dokumen.

#### **4.0 PENUTUP**

Makalah ini bertujuan meneliti kajian-kajian berkaitan madani yang dikumpul berdasarkan pengkalan data MyCite. Setelah dilakukan carian terhadap tiga kata kunci iaitu madani, masyarakat madani dan madani *society*, terdapat 11 dokumen yang ditemui dalam pengkalan data MyCite. Kesemua dokumen ini diterbitkan antara tahun 2002 hingga 2021. Seterusnya, makalah ini menganalisis semua dokumen yang diperoleh menggunakan kaedah bibliometrik.

Dalam makalah ini, analisis bibliometrik dilakukan merangkumi pengarang, penerbitan, kata kunci dan kolaborasi antara pengkaji dan negara. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, trend perkembangan penerbitan berlaku kenaikan dan penurunan. Trend ini masih berkekalan sehingga 13 Januari 2024.

Selain itu, perisian *Word Cloud* juga digunakan untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan perkataan di dalam dokumen yang dihasilkan. Berdasarkan rajah yang dihasilkan oleh *Word Cloud* tersebut, terdapat enam perkataan yang berulang kali digunakan dalam menghasilkan dokumen. Pertama, masyarakat madani; kedua, pembentukan masyarakat madani; ketiga, kesejahteraan; keempat, pendidikan; kelima, al-Qur'an; dan keenam, kesihatan. Dalam pada itu, trend pengkaji paling aktif dalam menghasilkan penerbitan berkaitan madani didahului oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menghasilkan 2 dokumen berbanding penerbitan daripada universiti yang lain. Trend kolaborasi antara negara pula didahului oleh negara Malaysia yang menerbitkan sebanyak 9 dokumen.

Dalam pada itu, kajian berkaitan madani juga masih lagi berkurangan dan tidak dikaji secara meluas sebagaimana yang terdapat dalam pengkalan data MyCite. Hal ini menyebabkan berlakunya kekurangan sumber penerbitan yang membincangkan berkenaan madani. Kajian berkaitan madani boleh dilakukan dalam pelbagai aspek. Misalnya, ekonomi, politik, kemasyarakatan, kebudayaan dan perundangan. Kajian-kajian tersebut boleh dijadikan sebagai asas untuk mewujudkan masyarakat madani yang maju dan dapat mencorak masa depan negara.

#### **Penghargaan**

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil awal projek penyelidikan di bawah Geran *Fundamental Research Grant Sceme* (FRGS) [203.CISDEV.6712159] yang bertajuk "*Pembinaan Kerangka Baharu Tasawur Pembangunan Malaysia Madani (T-PMM)*" untuk tempoh 1 October 2023-30 September 2026.

#### 4.1 RUJUKAN

- Abdullah, S., Hussin, N, S., Tunku Ahmad, T, S., Rose N, N., Basir, S N, A., Azmin, A, A. & Ramil, A J. (2023). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penilaian. Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan baudaya Nusantara(SUTERA) ke-2. Penerbitan UNIMAP: Perlis.
- Ahmi, A., & Mohamad, R. (2019). Bibliometrik analysis of global scientific literature on web accessibility. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 7(6), 250-258.
- Ahmi, A., & Mohd Nasir, M. H. (2019). Examining the rend of the research on extensible business reporting language (XBRL): A bibliometric review. *International Journal of Innovation, creativity and Change*, 5(2). 1145-1167.
- Bahari, C, A. & Abdullah, F. (2019). The role of Muslim women in civil society in promoting values and principles for building peace: Action guide from the Qur'an. *Sains Insani*, 4(1), 30-36.
- Baharudin, A, M. & Jamil, M, T. (2017). Ilmu Makki dan Madani dan kepentingannya bagi pendakwah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1(1), 43-53.
- Durieux, V., & Gevenois, P. A. (2010). Bibliometric indicators: Quality measurements of scientific publication. *Radiology*, 255(2), 342-351. <http://doi.org/10.1148/radiol.09090626>.
- Ibrahim, A. (2023). *Membangun Negara Madani: Visi dan kerangka dasar reformasi*. Institut Darul Ehsan: Selangor.
- Ishak, Arshad, Fakhrudin, Ismail, Ismail, Ahmad, Ramlan, Abdullah, Mat Saad & Syed Sahuri. (2021). Tinjauan tahap prestasi peranan guru Pendidikan Islam sebagai pemangkin Perubahan ke arah pembetulan masyarakat madani melalui kaedah Pendidikan Islam tidak formal. *Sains Insani*, 6(1), 25-34.
- Ismail, D., Wan Khairuddin, W, M, K, F., & Muhammad, M. (2014). Barnamij J-QAF fi khidmah al-qur'an atharihi wa masyakilih (Perkembangan dan masalah pembelajaran al-Quran dalam Program J-QAF di Malaysia). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 41-60.
- Mansor, N, R. (2020). Mengupayakan pemikiran aras tinggi: Menyejahterakan masyarakat madani. *Journal of Business and Social Development*, 8(2), 77-89.
- Mansor, R, S. (2019). *Membina masyarakat madani kelas pertama*. Dewan Tamadun Islam. Bil 9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd, R, A., Mohd Ghazali, N., Sempo, M, W., Mohamad, N., Khossim, N., Toure, A, K., Obeid, A, R., -Jaafar, N., Muhammad, N, A, F., & Ahmad, H. (2017). The extraction pattern of 'Al-Samii' based on the contextual meaning on Makkiy and Madaniy in the Quran. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3 (1), 128-135.
- Osman, M, F., Long, N. H. & Aziz, A. B. (2016). Toleransi nabawi dalam pembinaan budaya masyarakat madani yang bertamadun. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 4(5), 52-64.
- Othman, A. (2003). Fikiran dan interpretan dalam bahtera madani. *Jurnal Bahasa*, 3, 1-48.
- Rashid, R, A., Abdullah, N. @ Ng Siew Boey & Mohamed Abdelgelil, M, F. (2021). Meneladani muamalat nabi dan para sahabat terhadap non amuslim serta pengalaman MACMA di Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 194-206.
- Sariyan, A. (2002). Bahasa dan pendidikan bahasa dalam konteks pembinaan tamadun dan masyarakat madani. *Jurnal Bahasa*, 2(1), 1-28.
- Tuwu, D. (2019). The contribution of hope family program and madani brotherhood program in increasing public health in Kendari city. *Asia Social Work Journal*, 4 (2), 63-70.

Zhang, X., Chen, H., Wang, W., & Ordonez, P. (2016). What is the role of IT in innovation? A bibliometric analysis of research development in IT innovation. *Behaviour & Information Technology*, 35(12), 1130-1143.